

## Anak pasangan tukang jahit terima anugerah emas



Kuantan, 18 Nov- Hasil daripada persediaan sejak awal semester dan fokus kepada subjek di dalam kelas, menjadi kunci kejayaan penerima anugerah Pingat Emas Universiti, Lum Shirley, 24, dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Graduan Lum yang memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) pada pengajiannya sepanjang empat tahun di UMP, berjaya menyandang jawatan sebagai Jurutera Pembangunan dan Penyelidikan di Daikin (M) Sdn.Bhd. sejak Julai lalu. "Menyedari subjek yang perlu dihadapi pada setiap semester agak berat, saya membuat persiapan lebih awal bagi mengelakkan kesukaran yang akan dihadapi. Saya akan berusaha untuk menyiapkan tugas yang diberikan secepat yang mungkin." "Saya juga fokus terhadap apa yang diajar pensyarah di dalam kelas, jika ada masalah yang tidak dapat diselesaikan, saya tidak malu untuk bertanya kepada rakan-rakan dan pensyarah berkenaan serta meminta mereka mengajar saya supaya lebih faham terhadap perkara tersebut," kata anak bongsu dari tiga beradik ini.



Lum yang ditemui ketika Majlis Konvokesyen ke-12 UMP, berkata, sokongan daripada keluarga terutama kedua ibu bapanya turut menjadi pembakar semangat kepadanya untuk berjaya dalam pelajaran. Anak kepada pasangan tukang jahit, Lum Wai Peng dan Low Puy Yong itu turut mengakui kedua ibu bapanya memberi sokongan kepadanya dalam semua aspek termasuk aktiviti kokorikulum. "Saya pernah menyertai Pertandingan Innovate Malaysia pada akhir semester lalu dan saya amat gembira kerana kedua ibu bapa dapat hadir untuk menyaksikan saya mengambil ijazah pada majlis konvokesyen ini," katanya.

**Disediakan oleh Siti Sarah Mohd Rajimi dan gambar oleh Mustaqim (FSKKP), Naufal (PNC)**

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 23-11-2017, 09:38:35